

**Saifuddin: Turun bendera tindakan kutuk, Putrajaya tetap komited pinda AUKU**  
**The Malaysian Insider**  
**19 Disember, 2011**  
**Oleh G Manimaran**

KUALA LUMPUR, 19 Dis — Datuk Saifuddin Abdullah mengulangi pendirian mengutuk perbuatan menurunkan bendera wajah Datuk Seri Najib Razak kelmarin tetapi menegaskan, insiden itu tidak akan mengganggu komitmen kerajaan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

“Pada masa yang sama, saya ingin menyatakan bahawa insiden ini tidak mengganggu komitmen kerajaan dalam meminda AUKU,” kata Timbalan Menteri Pengajian Tinggi (gambar) hari ini dengan merujuk kepada sesi Meja Bulat Pindaan AUKU pada hari yang sama.

Katanya, sesi itu telah berjalan dengan amat baik dan siri perundingan seumpama akan diteruskan dengan meluas dan terbuka.

“Perundingan ini adalah bagi mendukung hasrat Datuk Seri Najib untuk meminda AUKU.

“Pendekatan perundingan ini adalah meniru pendekatan beliau yang menubuhkan makmal-makmal dalam menggubal transformasi kerajaan dan ekonomi serta yang dilakukan oleh jawatankuasa pilihan khas Parlimen untuk menambah baik sistem pilihan raya,” katanya lagi.

Saifuddin berkata, insiden menurunkan bendera kelmarin bukan sebahagian daripada demokrasi yang dimaksudkan.

“Justeru, ia menguatkan lagi komitmen untuk menegakkan demokrasi yang sebenar, yang ingin dicapai oleh pindaan AUKU,” katanya lagi.

Jelas beliau, secara perbandingannya, kekecohan-kekecohan yang berlaku dalam politik dan perhimpunan-perhimpunan serta ancaman keganasan tidak mengganggu komitmen kerajaan untuk memperbaiki sistem pilihan raya melalui PSC, menggubal Akta Perhimpunan Aman 2011 dan memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Saifuddin menambah, beliau membuat kenyataan ini bagi mengulangi dan menjelaskan pendiriannya seperti yang telah nyatakan dalam Twitter dan Facebook kelmarin bahawa insiden menurunkan bendera gambar Najib selaku Presiden Umno di PWTC adalah perbuatan terkutuk.

“Dan bahawa pihak yang bertanggungjawab iaitu Solidariti Mahasiswa Malaysia (SMM) dan Gerakan Menuntut Kebebasan Akademik (Bebas) mesti meminta maaf,” katanya lagi.

Saifuddin menambah: “Saya ingin menjelaskan bahawa kehadiran saya di tempat insiden itu hanyalah semata-mata untuk menerima Memorandum daripada SMM dan Bebas.”

Ahli Parlimen Temerloh ini menambah, pada petang tersebut, beliau menerima panggilan telefon daripada penganjur yang mereka hendak menyerahkan Memorandum Bebas kepadanya.

"Saya membuat keputusan bersetuju menerimanya kerana mendapat maklumat daripada sumber lain bahawa mereka sedang berarak ke PWTC dengan diselia polis.

"Pada saya, kalau cepat saya menerima Memorandum tersebut, maka cepatlah mereka bersurai. Telahan saya itu betul, kerana tidak lama selepas saya menerima memorandum tersebut, mereka bersurai," katanya lagi.

Justeru kata Saifuddin, beliau merakamkan ucapan setinggi terima kasih kepada pihak polis dan pengurusan PWTC yang telah menjalankan tugas dengan begitu baik dalam mengawal keadaan.

Bagaimanapun katanya, beliau hanya mengetahui insiden menurunkan bendera itu melalui Twitter kira-kira satu jam setelah meninggalkan PWTC.

"Saya segera tweet menyatakan kalau benar ia berlaku, maka ia satu kesalahan. Saya menghubungi penganjur dan mereka mengakui ia dilakukan oleh seorang anggota mereka tetapi bendera itu telah dinaikkan semula tidak lama selepas itu.

"Saya 'tweet' menyatakan bahawa menurunkan bendera itu adalah terkutuk dan penganjur mesti meminta maaf," katanya lagi.

"Pada 18 Disember 2011 (semalam), penganjur menyatakan mereka sedia memohon maaf kepada Datuk Seri Najib.

"Saya menjunjung kebebasan bersuara dan politik baru yang sihat dan segar dalam memamatkan demokrasi. Saya juga menjunjung idealisme perjuangan mahasiswa dan percaya pada mahasiswa," katanya sambil menambah, perbuatan menurunkan bendera tidak mewakili apa yang dimaksudkan itu. "Justeru, saya mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan itu dan menuntut pihak yang bertanggungjawab memohon maaf kepada Datuk Seri Najib," katanya lagi.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/saifuddin-turun-bendera-tindakan-kutuk-putrajaya-tetap-komited-pinda-auku/>